

09 JUL 2001

Hamid-Waqaf

MALAYSIA TUAN RUMAH UKTAMAR MENTERI WAQAF DAN HAL EHWAL ISLAM

KUALA LUMPUR, 9 Julai (Bernama) -- Malaysia akan menjadi tuan rumah Muktamar Menteri Waqaf dan Hal Ehwat Islam ke-7 dari 8 hingga 11 Okt depan, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin.

"Persidangan tersebut akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan dihadiri oleh 57 negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC)," kata Abdul Hamid yang akan mempengerusikan persidangan itu.

Beliau berkata pemilihan Malaysia menjadi tuan rumah, yang dibuat pada muktamar lepas di Indonesia, adalah berdasarkan kejayaan negara dalam pelaksanaan dasar pengukuhan syiar Islam.

Tujuan utama muktamar itu ialah untuk memperkukuhkan ikatan setiakawan antara negara anggota OIC, katanya kepada Bernama selepas meninjau kemudahan persidangan di sebuah hotel di sini untuk dipertimbangkan sebagai tempat bagi muktamar itu.

Abdul Hamid berkata muktamar itu akan turut membincangkan masalah serta cabaran yang dihadapi negara anggota OIC dan bertukar-tukar maklumat untuk memajukan dan meningkatkan maruah umat Islam di seluruh dunia.

Katanya, sembilan kertas kerja akan dibentangkan pada muktamar kali ini termasuk oleh Malaysia, Arab Saudi, Maghribi, Kuwait dan Jordan.

-- BERNAMA

FA ZS NMO